

# BB Plaza kekal, jadi pintu masuk

**Kuala Lumpur:** Bahagian depan kaki lima Bukit Bintang Plaza (BB Plaza) dan bangunan Yayasan Selangor akan menjadi lokasi pintu masuk dan keluar utama stesen BB Sentral.

My Rapid Transit Corporation (MRT Corp) dalam kenyataannya, berkata tangga keceemasan dan syaf pengudaraan stesen akan turut dibina di kawasan itu.

Stesen BB Sentral akan terbahagi kepada stesen di bawah tanah dan bahagian permukaan tanah yang membabitkan bahagian depan plaza berkenaan.

“Berikutan perbincangan di antara MRT Corp dan UDA Holdings (UDA), MRT Corp menyemak semula pelan reka bentuk stesen BB Sentral, BB Plaza dan bangunan pejabat UDA tidak perlu dirobohkan. Reka bentuk baru stesen akan mempunyai akses di depan BB Plaza,” katanya.